

## Keselamatan @ Tempat Kerja

### 1. Apakah kepentingannya?

- Sebagai pekerja, kebanyakan kita menghabiskan masa hidup di tempat kerja di mana kita akan terdedah kepada berbagai punca bahaya. Tempat kerja yang kurang selamat boleh mengakibatkan kemalangan dan penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan yang akan memudaratkan kita dan keluarga dari segi sosial dan juga kewangan.

### 2. Apakah faedah mempunyai tempat kerja yang selamat?

- Melindungi aset terpenting – iaitu pekerjaannya
- Meningkatkan produktiviti
- Menggurangkan kemalangan dan penyakit di tempat kerja
- Menggurangkan pembayaran insurans pampasan pekerja
- Menggurangkan perbelanjaan perubatan
- Meningkatkan moral pekerja

### 3. Bagaimana cara untuk mewujudkan tempat kerja yang selamat?

#### ✓ *Tahap Pentadbiran*

- Sediakan polisi atau dasar kesihatan dan keselamatan untuk organisasi awda
- Lantik komiti bagi kesihatan dan keselamatan yang terdiri dari pihak pengurusan dan juga kakitangan
- Berbincang selalu mengenai isu-isu keselamatan di tempat kerja
- Mencatat setiap kemalangan dan nyaris kemalangan dan seterusnya membuat penilaian untuk langkah pencegahan
- Berikan pekerja latihan dan pendidikan mengenai amalan cara kerja yang selamat
- Sediakan peti kecemasan yang diisikan dengan keperluan-keperluan perubatan kecemasan

#### ✓ *Persekitaran kerja selamat*

- Pastikan tempat kerja senantiasa kemas
- Pastikan tempat laluan tidak terhalang-jika perlu tandakan garisankuning untuk menunjukkan laluan kecemasan
- Gunakan bahan lantai yang tidak licin untuk mengelakkan dari tergelincir dan jatuh- bersihkan sebarang tumpahan dengan segera
- Pastikan peredaran udara yang baik dan efektif bagi mewujudkan suhu bilik yang selesa
- Pastikan tahap pencahayaan yang mencukupi
- Stor hendaklah disusun dengan teratur dan semua barang mestilah dilabel. Hindarkan dari menyimpan bahan kimia atau racun serangga bersama-sama dengan makanan atau minuman
- Paparkan tanda-tanda keselamatan di mana perlu seperti jangan merokok, laluan kecemasan dsbnya
- Perkakas, mesin dan tempat duduk hendaklah yang ergonomik dan selesa untuk digunakan
- Berikan kemudahan tandas, tempat cuci, tukar baju, tempat rehat, dsbnya.

#### ✓ *Keselamatan kebakaran*

- Pasangkan alat pemadam api dan hos di tempat kerja dan pastikan ianya selalu diperiksa
- Tandakan tempat berkumpul semasa kecemasan
- Paparkan pelan evakuasi semasa kecemasan
- Lakukan latihan kebakaran dengan bantuan pihak bomba

#### ✓ *Penggunaan bahan kimia dengan selamat*

- Gantikan bahan kimia yang berbahaya dengan bahan yang lebih selamat jika boleh
- Tanda semua bekas bahan kimia
- Simpan data keselamatan penggunaan bahan (MSDS) bagi rujukan
- Gunakan alat perlindungan keselamatan diri yang disyorkan jika perlu seperti penutup mulut, sarung tangan, kaca mata keselamatan, dsbnya.
- Sediakan pencuci mata dan tempat mandi kecemasan jika diperlukan

✓ ***Penggunaan letrik yang selamat***

- Jangan sama sekali menggunakan sambungan litar elektrik yang melebihi had
- Jangan gunakan sambungan elektrik yang rosak – tampilkan amaran untuk pengetahuan semua
- Jangan cuba membaiki alat elektrik yang rosak - kerja tersebut mestilah dilakukan oleh orang yang layak/mahir

✓ ***Penggunaan alat perkakas dengan selamat***

- Berikan latihan kepada pekerja tentang penggunaan mesin dengan selamat
- Alat penghadang mesin hendaklah dipasang kepada mesin yang ada risiko terjadinya kecederaan
- Hindarkan dari membuat pembaikpulihan, pengubahsuaian atau pemeliharaan sesuatu mesin tanpa kebenaran
- Gunakan alat perlindungan keselamatan diri yang bersesuaian jika perlu

✓ ***Penggunaan alat perlindungan keselamatan diri yang betul***


- Jika boleh, hindarkan punca bahaya di tempat kerja - alat perlindungan keselamatan diri hanyalah digunakan jika punca bahaya tersebut tidak dapat dikawal
- Sentiasa menggunakan alat perlindungan keselamatan diri yang bersesuaian dengan tugas dan tegaskan penggunaannya
- Alat perlindungan keselamatan diri hendaklah dipelihara selalu – ganti alat perlindungan keselamatan diri yang sudah rosak

## **Kerja Selamat - Hidup Sihat –Kerja Produktif**



**OCCUPATIONAL HEALTH DIVISION  
DEPARTMENT OF HEALTH SERVICES**

# **KESELAMATAN @ TEMPAT KERJA**



## **TIPS UNTUK MAJIKAN DAN PEKERJA**